

09/03/2003

PM utus surat kepada anggota Majlis Keselamatan PBB

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengutus surat kepada semua 15 anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

mengenai pendirian Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) berhubung ancaman perang Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Perdana Menteri mengutus surat itu berkenaan sebagai Pengerusi NAM bagi menyatakan bantahan negara membangun terhadap usaha Amerika mendapat kebenaran Majlis

Keselamatan PBB bagi menyerang Iraq.

"Selepas mesyuarat NAM lalu, beliau (Dr Mahathir) tulis surat dan memberi keputusan NAM kepada semua anggota Majlis Keselamatan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa bersama Malaysia-Thailand

di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas tindakan Dr Mahathir selaku Pengerusi NAM selepas mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang diadakan selepas Sidang Kemuncak NAM akhir bulan lalu memberi mandat kepada Perdana Menteri berbuat demikian bagi membantah resolusi perang Amerika.

Ditanya apakah Perdana Menteri akan menerima maklum balas daripada anggota Majlis Keselamatan PBB berkenaan, Syed Hamid berkata ia bukan soal

utama kerana tanggungjawab Malaysia sebagai pengerusi NAM adalah menyampaikan keputusan Sidang Kemuncak NAM.

"Sama ada maklum balas atau tidak, kita sudah melaksanakan tugas kita untuk menyatakan keputusan NAM," katanya.

Amerika dan sekutunya kini cuba memaksa Majlis Keselamatan meluluskan resolusi terbaru yang membenarkan tindakan ketenteraan terhadap Iraq walaupun pasukan penyiasat senjata PBB dalam laporan kepada badan dunia itu semalam menyatakan tiada bukti bagi mensabitkan Iraq.

Anggota Majlis Keselamatan PBB dijangka akan mengundi resolusi terbaru itu yang dikemukakan Britain bersama Amerika dan Sepanyol.

Mengenai laporan terbaru pasukan pemeriksa senjata itu, Syed Hamid berkata pendirian Malaysia ialah masyarakat dunia perlu bergantung kepada

pasukan pemeriksa yang dilantik PBB daripada membuat rumusan sendiri yang

mencabar kewibawaan badan dunia itu.

"Saya rasa demi keamanan dan kestabilan dunia, ia harus menjadi alasan lebih kukuh untuk pasukan pemeriksa senjata diberi lebih masa untuk melaksanakan tugas mereka...ia adalah sesuatu yang menyedihkan jika ada percubaan untuk meneruskan serangan tanpa mengambil kira laporan pasukan penyiasat senjata," katanya.

Ditanya apakah yang dapat dilakukan bagi membuatkan Washington mendengar

pandangan dunia supaya tidak menyerang Iraq, Syed Hamid berkata seperti yang dinyatakan Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Doha

Rabu lalu, dunia terpaksa mengharapka keajaiban.

"Saya rasa kita terpaksa berdoa agar perang tidak berlaku," katanya sambil menegaskan peperangan itu akan memberi kesan buruk kepada ekonomi dunia.

Ditanya apakah Malaysia akan menurunkan tahap hubungan diplomatik dengan

Amerika sebagai protes terhadap kedegilan Washington, Syed Hamid berkata:

"Ia tidak akan membantu kerana mereka pun tidak mengendahkan suara banyak negara. Saya rasa ia bukan soal menurunkan tahap hubungan diplomatik tetapi soal supaya suara kita didengar," katanya.